

Artikel

Faktor-faktor Penyumbang ‘Fear of Crime’ Dalam kalangan Warga Emas di Daerah Yan, Kedah
(*Factors Lead to Fear of Crime Among Elderly in Yan District, Kedah*)

Nur Umairah Abu & Nur Hafizah Yusoff *

Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: nur_hafizah@ukm.my

Abstrak: Artikel ini memfokuskan kepada ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas di Daerah Yan, Kedah. Pendekatan kualitatif digunakan untuk memperoleh data dan maklumat kajian. Kaedah temu bual semi struktur merupakan kaedah pengumpulan data utama kajian dan sejumlah 13 orang informan telah ditemubual bagi mendapatkan variasi jawapan mengenai ketakutan terhadap jenayah. Dapatan utama menunjukkan faktor usia merupakan faktor yang mewujudkan ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas. Terdapat juga faktor yang disebabkan oleh jantina membuatkan wanita berasa dirinya kurang selamat berbanding lelaki. Kelemahan fizikal menambahkan risiko ketakutan terhadap jenayah dalam diri mangsa. Antara jenayah yang ditakuti oleh warga emas ini ialah penipuan melibatkan wang ringgit, rompakan dan berasa diri tidak selamat apabila keluar berseorangan. Kesimpulannya, ketakutan terhadap jenayah boleh melibatkan kebanyakan orang terutamanya golongan mereka yang lebih tua dan lemah dari segi fizikal. Peranan pihak bertanggungjawab penting bagi memastikan kesejahteraan hidup dalam kalangan warga emas di negara ini.

Kata kunci: *Fear of Crime*, Jenayah, Kawalan sosial, Sosiologi, Warga tua

Abstract: This article focuses on the fear of crime among senior citizens in Yan District, Kedah. A qualitative approach was used to obtain study data and information. Semi-structured interview method is the main data collection method of the study and a total of 13 informants were interviewed to obtain varied answers on fear of crime. The main findings show that the age factor is a factor that creates fear of crime among the elderly. Another factor is due to gender that make women feel less secure than men. Physical weakness increases the fear of crime in the victim. Among the crimes feared by these senior citizens are scam involving money, robbery, and insecurities when going out alone. In conclusion, fear of crime can affect most people especially those elderlies. The role of the responsible party is important to ensure the well-being of life among the elderly in this country.

Keywords: Crime, Elderly, Fear of Crime, Social Control, Sociology

Pengenalan

Jenayah merupakan suatu perbuatan yang dianggap tidak baik dan negatif dalam kalangan masyarakat. Dalam satu tinjauan tentang kebimbangan orang awam terhadap jenayah dianggap merupakan suatu perkara yang serius. Orang ramai bukan sahaja memerlukan persekitaran yang selamat, tetapi perasaan selamat itu perlu ada dalam diri setiap individu. Kebimbangan terhadap jenayah mula menjadi isu yang penting dan perhatian kepada semua pihak kerana memberi kesan ke atas kualiti kehidupan di mana mengganggu kehidupan social dan juga kesejahteraan ekonomi. Ketakutan terhadap jenayah ini berlaku kepada setiap individu tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Kini masing-masing terdedah dengan jenayah seperti rogol, pembunuhan, rompakan, pecah rumah dan sebagainya. Penjenayah juga boleh terjadi dari kalangan orang yang berdekatan dengan kita seperti jiran, rakan sekerja, rakan sebilik dan orang luar. Kebimbangan terhadap jenayah mula menjadi isu yang penting dan perhatian kepada semua pihak kerana ia memberi kesan ke atas kualiti kehidupan di mana mengganggu kehidupan sosial dan juga kesejahteraan ekonomi.

Berdasarkan beberapa penyelidikan yang terdahulu, terdapat beberapa definisi 'bimbang terhadap jenayah' yang dapat dikenal pasti. Bimbang terhadap jenayah boleh dibahagikan kepada dua iaitu 'paradigma rasional' dan 'paradigma simbolik' (Donder et al., 2005). 'Paradigma Rasional' memberi interpretasi bahawa terdapat risiko-risiko yang berkaitan dengan keadaan-keadaan yang berhubung dengan perlakuan jenayah. 'Paradigma Simbolik' pula merujuk kepada perasaan umum yang takut terhadap jenayah yang merasakan bahawa dirinya mempunyai risiko akan menjadi mangsa penjenayah. Ini berlainan pula pendapat dan pendekatan yang diambil oleh Wurff & Stringer (1989) yang menyatakan terdapat tiga komponen yang memainkan peranan dalam perasaan kebimbangan terhadap jenayah. Komponen tersebut adalah kewujudan elemen-elemen yang tertentu berkaitan dengan kesejahteraan, persepsi bahawa kesejahteraan tersebut akan diancam dan yang ketiga adalah perasaan kesukaran atau ketidakmampuan untuk menghadapi ancaman tersebut. Ini bermaksud fizikal individu dan keadaan persekitaran merupakan faktor yang membawa kepada munculnya perasaan takut. Ketiadaan ilmu mempertahankan diri dan tidak mampu untuk melawan sebarang kejadian yang tidak diinginkan menimbulkan perasaan bahawa dirinya sentiasa tidak selamat. Begitu juga dengan keadaan persekitaran yang memberi gambaran kurang selamat seperti kawasan yang sunyi, semak-samun, kurangnya aktiviti sosial, lepak, mabuk dan sebagainya yang memberikannya ilusi menjadi mangsa jenayah.

Peringkat umur juga antara penyebab rasa takut yang tinggi terhadap kejadian jenayah. Semakin meningkat umur seseorang semakin tinggi perasaan takut mereka terhadap jenayah. Menurut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bilangan penduduk yang berusia 60 tahun ke atas semakin meningkat dan kadar penduduk yang berusia di bawah 15 tahun semakin menurun. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, peningkatan populasi warga emas pada tahun 2000 di Malaysia ialah 1441.2 juta berbanding dengan 2770.8 juta pada 2015 iaitu peningkatan sebanyak 92.3 peratus dalam tempoh lima tahun. Di samping itu, menurut Utusan Malaysia, jangka hayat penduduk Malaysia juga semakin meningkat iaitu dari 71.9 tahun (2011) kepada 77 tahun (2013) bagi lelaki dan 77 tahun (2011) kepada 79 tahun (2013) bagi perempuan. Peningkatan kadar penduduk berusia ini secara tidak langsung akan menyebabkan lebih ramai dalam kalangan warga berusia yang merasa bimbang akan kebarangkalian menjadi mangsa jenayah. Penyelidikan tentang rasa kebimbangan terhadap jenayah telah banyak dilakukan hampir di seluruh dunia. Namun, tiada kajian dilakukan dalam konteks negara Malaysia. Justeru itu, artikel ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang menyebabkan warga emas di Daerah Yan, Kedah merasa takut atau bimbang terhadap jenayah.

Sorotan Literatur

1. Ketakutan terhadap jenayah

Kehidupan sosial akan mempengaruhi ketakutan terhadap jenayah. Sebagai contoh, hubungan sosial yang erat di kawasan kejiranan mereka mendorong kepada tahap ketakutan yang lebih rendah berbanding mereka yang tinggal bersendirian (Silverman & Kennedy, 1985). Selain itu, keupayaan fizikal juga didapati memberi kesan kepada peningkatan ketakutan terhadap jenayah. Perasaan ketidakupayaan yang dirasakan untuk memerangi penjenayah sangat berkaitan dengan ketakutan terhadap jenayah. Akhirnya, Warr (1984), Fisher & Sloan, (2003); Gilchrist et al., (1998); Hughes, Marshall, & Sherrill, (2003) telah berpendapat bahawa peningkatan umur membawa kepada peningkatan ketakutan yang lebih tinggi. Penyelidikan tambahan mengenai topik ini berpendapat terdapat hubungan antara usia dengan ketakutan. Ia bergantung pada status sosioekonomi orang tua yang hidup dalam kemiskinan ketakutan (Pantazis, 2000).

Selain itu, seseorang yang mempunyai pengalaman menjadi mangsa jenayah baik secara langsung dan tidak langsung, juga didapati berkaitan dengan ketakutan terhadap jenayah. Kajian terdahulu mendapati bahawa mangsa jenayah mempunyai ketakutan terhadap jenayah yang lebih tinggi (Garofalo, 1977), tetapi penyelidikan seterusnya telah menghasilkan dapatan yang pelbagai (Ferraro, 1996; Gomme, 1988; Scott, 2003; Weinrath & Gartrell, 1996). Kajian yang mengasingkan sampelnya mengikut jantina menunjukkan bahawa ketakutan wanita adalah sebahagian besarnya didorong oleh ketakutan mereka terhadap serangan seksual (Ferraro, 1996; Reid & Konrad, 2004). Kajian juga mendapati perbezaan jantina dalam hubungan sosio-demografi yang takut akan jenayah. Contohnya, ketakutan lelaki semakin meningkat seiring bertambahnya usia, sedangkan ketakutan wanita menurun atau tidak dipengaruhi oleh usia (Franklin & Franklin, 2009; Schafer et al., 2006; Smith & Torstensson, 1997).

Tinjauan literatur mengenai ketakutan terhadap jenayah menunjukkan bahawa lokasi geografi telah diterima secara meluas dalam penyelidikan (Ferguson & Mindel, 2007; Wilcox Rountree, 1998). Kesepakatan di kalangan para ilmuwan berlaku bahawa ketakutan sebahagian besarnya disebabkan oleh unsur-unsur persekitaran luaran yang dapat dilihat, dan lokasi geografi telah terbukti menjadi faktor perantara penting (Wyant, 2008; Zhao, Lawton & Longmire, 2010). Tahap ketakutan terhadap jenayah berbeza jauh dari masa ke masa, ruang dan lokasi seperti pusat membeli-belah, pusat bandar, dan semasa di rumah berbeza dengan tahap ketakutan terhadap jenayah juga berbeza pada waktu siang dan malam (Doran & Burgess, 2011). Sejak pertengahan tahun 1960-an kriminologi dan sosiologi di Amerika Syarikat telah menunjukkan minat yang semakin meningkat terhadap kesan umum jenayah terhadap masyarakat. Secara khusus, perhatian telah difokuskan pada sikap masyarakat terhadap jenayah, penjenayah dan sistem keadilan jenayah.

Beberapa kajian di negara Barat telah berusaha untuk mengira sejauh mana dan kaitan mengenai ketakutan terhadap jenayah. Kajian Jenayah British baru-baru ini, berdasarkan sampel nasional 11,000 isi rumah, telah mengesahkan beberapa penemuan mengenai warga tua dan ketakutan jenayah di Amerika. Kedua-dua usia dan jantina telah muncul sebagai peramal penting untuk ketakutan terhadap jenayah. Wanita melaporkan lebih banyak ketakutan daripada lelaki dan wanita tua berbanding lelaki tua. Tiga daripada lima wanita tua yang ditemu ramah menganggap bahawa 'sangat tidak selamat' berada di jalan-jalan di kawasan kejiranan mereka setelah malam. Hanya 27 peratus lelaki berusia lebih dari 60 tahun yang dilaporkan merasa tidak selamat ketika keluar pada waktu malam manakala kumpulan usia yang lebih muda mencatatkan tahap ketakutan yang jauh lebih rendah.

Dalam satu kajian terhadap sampel kecil penduduk tua yang tinggal di sebuah wilayah London Timur, Clarke dan Lewis mendapati lebih daripada separuh wanita menunjukkan bahawa ketakutan menjadi mangsa

jenayah adalah masalah dalam kehidupan mereka berbanding dari lelaki. Apa yang telah didokumentasikan dalam literatur penyelidikan di Amerika Syarikat selama beberapa tahun adalah bahawa orang tua lebih cenderung menjadi mangsa berbanding mereka yang dalam usia muda. Antunes et al., Baumer, Garofalo dan Laub dan Lawton dan Yaffe semuanya telah mengesahkan bahawa orang tua, jika dibandingkan dengan kumpulan usia yang lebih muda, cenderung untuk menjadi mangsa kebanyakan jenis jenayah. Jadi kajian ini melihat bagaimana ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas yang tinggal di luar bandar.

2. Jenis Ketakutan terhadap Jenayah

Ketakutan terhadap jenayah membawa kesan yang mendalam terhadap individu. Menurut Sundeen dan Mathieu (1976), warga tua yang tinggal di komuniti persaraan di California menyatakan ketakutan yang lebih besar terhadap penipuan pengguna daripada jenayah pemangsa manakala warga tua di dalam bandar dan pinggir bandar paling takut akan rompakan dan kecurian kereta. Bordyaga et al. (1975), Wolf (1977), Warr dan Stafford (1983) dan Warr (1984) juga telah mengemukakan kepentingan untuk menentukan jenis jenayah ketika mengukur ketakutan. Data dari tinjauan ABC News tahun 1982, sebahagiannya diterbitkan dalam Jadual 2, mendedahkan mengenai isu ini. Dalam contoh perwakilan lebih dari 2400 orang dewasa AS, responden melaporkan sama ada mereka secara peribadi bimbang menjadi mangsa tujuh situasi jenayah yang berbeza iaitu kereta atau harta benda mereka dirosakkan, rumah mereka dimasuki pencuri, mereka dirompak di jalan, dcederakan oleh perompak di jalan-jalan, cedera oleh pencuri di rumah mereka, diperkosa (wanita), dan dibunuh.

3. Kesan Ketakutan terhadap Jenayah

Jenayah yang berlaku memberikan impak dalam diri seseorang individu. Dari segi psikologi ketakutan terhadap jenayah mempunyai dua jenis kesan iaitu kesan dari segi psikologi dan kesan dari segi sosial. Secara psikologi, penyelidikan mendapati bahawa ketakutan terhadap jenayah boleh mempengaruhi kesihatan mental seseorang (Cossman, Porter, & Rader, 2016; Kruger, Reischl, & Gee, 2007; Stafford, Chandola, & Marmot, 2007; Whitley & Prince, 2005). Ketakutan terhadap jenayah adalah emosi yang menjadi dan boleh dikaitkan dengan emosi lain iaitu kegelisahan. Penyelidikan telah menemui hubungan yang signifikan antara ketakutan terhadap jenayah dan kegelisahan (Whitley & Prince, 2005). Selain itu, terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Stafford et al (2007) mendapati bahawa penduduk yang lebih takut akan jenayah hampir dua kali ganda berkemungkinan menghadapi masalah kesihatan mental.

Seterusnya, terdapat kajian yang mengenal pasti pelbagai langkah pencegahan tingkah laku yang berkaitan dengan ketakutan terhadap jenayah. Antara tingkah laku yang agak remeh dan hampir universal ialah menyalakan lampu dan mengunci pintu sewaktu hendak meninggalkan rumah hingga tindakan yang lebih bersifat peribadi dan sosial iaitu tidak meninggalkan rumah pada waktu malam dan atau keluar secara berseendirian (Skogan dan Maxfield 1981; Warr 1994). Menurut data tinjauan, reaksi yang paling biasa terhadap ketakutan akan jenayah di Amerika Syarikat adalah penghindaran ruang iaitu menjauhkan diri tempat-tempat yang dianggap berbahaya (Warr 1994). Selain dari penghindaran ruang, ketakutan terhadap jenayah juga mempengaruhi jalan yang diambil oleh seseorang individu ketika melakukan perjalanan, bentuk pengangkutan yang mereka gunakan dan waktu mereka memilih untuk meninggalkan kediaman mereka (DuBow, McCabe, dan Kaplan 1979; Warr 1994).

Seterusnya, antara kemungkinan kesan ketakutan terhadap jenayah ialah mengganggu perasaan komuniti dan semangat kejiwaan dan berkemungkinan mengubah beberapa tempat awam menjadi kawasan larangan

(Box et al., 1986). Ketakutan terhadap jenayah juga sering dikaitkan dengan kawasan tempat tinggal. Individu yang tinggal di luar bandar mempunyai ketakutan yang lebih rendah dan penduduk bandar secara signifikan menunjukkan ketakutan yang lebih tinggi (Will 1995; Yarwood dan Gardner 2000). Skogan (1986) memperincikan bagaimana ketakutan terhadap jenayah di kawasan kejiranan yang terlibat dengan aktiviti jenayah dapat mengakibatkan penduduk secara fizikal menarik diri kehidupan masyarakat dan memusatkan keprihatinan mereka. Kelemahan organisasi sosial dan kawalan sosial tidak formal dalam komuniti ini dapat memberi peluang kepada peningkatan jenayah, yang seterusnya menyumbang kepada kemerosotan semangat kejiranan.

Kajian mengenai ketakutan terhadap jenayah banyak dilakukan di negara barat dan kajian ini masih kurang dilakukan di Malaysia. Selain itu, kebanyakan kajian lepas menumpukan kepada kawasan bandar dan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data dari informan. Namun kajian mengenai ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas dan mereka yang tinggal di luar bandar masih kurang dilakukan oleh para pengkaji sosiologi. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada factor penyumbang ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas yang tinggal di luar bandar.

Metodologi kajian

1. Kaedah pengumpulan data

Temu bual semi-struktur ialah interaksi dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian daripada responden secara formal. Format temu bual semi-struktur terletak di antara temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Pengkaji menyoal soalan formal yang telah dirangka. Namun dalam masa yang sama pengkaji juga diberi kebebasan untuk menyoal lebih dalam mengenai jawapan yang diberi oleh responden. Setiap soalan yang diberikan telah diberi dalam aras bahasa yang berbeza mengikut kefahaman responden. Soalan diubah dan disusun mengikut urutan tertentu supaya responden dapat memahami dengan baik. Semasa temu bual dilaksanakan, pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi-struktur iaitu dengan menyoal soalan kepada responden secara formal pada masa yang sama penyoal diberi kebebasan untuk bertanya dengan lebih terperinci yang berkait dengan tema pengkaji. Seterusnya, pengkaji melihat kepada situasi serta menyusun semula soalan mengikut keperluan agar responden dapat memahami soalan yang diberikan.

2. Kaedah Persampelan

Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan tidak kebarangkalian (non-probability sampling). Kaedah persampelan yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan ialah kaedah persampelan bertujuan. Persampelan secara tidak rawak dipilih kerana ianya memberi tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu dan sesuai dengan fokus penyelidikan yang ingin dilakukan. Kaedah persampelan bertujuan merujuk kepada individu-individu yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang dijadikan kajian. Ciri-ciri yang dilihat adalah seperti warga emas yang tinggal berseorangan, mereka yang tinggal berpasangan dan mereka yang tinggal bersama anak-anak.

3. Kaedah Memproses dan Menganalisis Data

Bahagian terakhir dalam metodologi kajian adalah memproses serta menganalisis data. Analisis data adalah suatu proses untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis (idea) seperti yang disarankan dan sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis (Taylor, 1975). Data yang diperoleh ini diolah serta dianalisis secara kritis dan dilampirkan pada bahagian dapatan kajian. Menganalisis data merupakan langkah

yang paling penting yang perlu diberikan penekanan kepada pengkaji dalam usaha untuk mempersembahkan kajian. Dalam menganalisis data, pengkaji berperanan untuk menentukan dan memberi makna pada setiap perkara. Data dianalisis berdasarkan maklumat yang diperolehi sebelum membuat kesimpulan bagi maklumat tersebut.

Hasil kajian dan perbincangan

1. Profil informan

Jadual 1. Profil Informan

INFORMAN	UMUR	JANTINA	ISI RUMAH	STATUS KESIHATAN
1	69 tahun	Perempuan	Berseorangan	Tiada
2	61 tahun	Perempuan	Berseorangan	Tiada
3	75 tahun	Lelaki	Bersama pasangan	Sakit urat
4	63 tahun	Perempuan	Bersama pasangan & anak perempuan	Tiada
5	67 tahun	Lelaki	Bersama pasangan, anak dan cucu	Sakit sendi
6	70 tahun	Lelaki	Bersama pasangan dan anak istimewa	Sakit jantung
7	63 tahun	Perempuan	Bersama pasangan	Gout
8	61 tahun	Perempuan	Bersama anak-anak	Darah Tinggi
9	66 tahun	Perempuan	Bersama anak, menantu dan cucu sorang	Kencing manis, darah tinggi
10	61 tahun	Perempuan	Bersama pasangan	Kencing manis
11	75 tahun	Perempuan	Bersama pasangan	Gout
12	63 tahun	Lelaki	Bersama pasangan	Sakit saraf tangan
13	60 tahun	Perempuan	Bersama pasangan dan anak	Tiada

Seramai 13 orang warga emas di sekitar Daerah Yan telah dipilih sebagai informan kajian. Informan berada dalam lingkungan umur 60 tahun sehingga 75 tahun. Terdapat informan yang tinggal berseorangan, bersama pasangan dan juga terdapat informan yang tinggal bersama anak mereka. Dua informan yang telah ditemu bual tinggal berseorangan di rumah manakala selebihnya tinggal bersama keluarga. Keterangan ini boleh dirujuk pada Jadual 1 yang menunjukkan hasil data informan mengenai umur, jantina dan isi rumah. Dari Jadual 1 ini juga mendapati bahawa walaupun terdapat informan yang tinggal bersama pasangan, anak-anak, menantu dan cucu namun ketakutan terhadap jenayah masih dirasai.

2. Faktor Penyumbang kepada Ketakutan terhadap Jenayah

Tinggal berseorangan

Daerah Yan merupakan kawasan luar bandar yang kebanyakan penduduknya merupakan warga emas yang tinggal berseorangan dan berpasangan. Namun masih ada segelintir mereka yang tinggal bersama anak-anak ataupun orang yang lebih muda. Terdapat segelintir keluarga yang ahli muda berpindah ke tempat lain seperti di bandar atas tujuan pelajaran dan juga peluang pekerjaan. Hal ini menyebabkan warga emas terpaksa meneruskan kehidupan tanpa orang yang lebih muda disisi dan juga menghadapi banyak masalah setelah ditinggalkan oleh anak-anak mereka. Jenis masalah mungkin berbeza bagi setiap individu. Warga emas yang tinggal tanpa pasangan mungkin menghadapi lebih banyak masalah daripada mereka dengan pasangan.

Oleh itu, faktor tinggal berseorangan merupakan faktor yang boleh dikaitkan dengan terjadinya masalah ini. Benarlah apa yang diperkatakan oleh Informan 1 yang berusia 69 tahun yang tinggal berseorangan. Beliau telah kehilangan suaminya beberapa tahun yang lalu akibat sakit tua dan kesemua anaknya tinggal di bandar atas tujuan pekerjaan. Beliau menyatakan bahawa:

“Mak cik takut juga lah bila duduk sorang diri ni, dengan dulu pernah juga rumah kena pecah masuk banyak kali. Bila kita dok sorang diri ni macam-macam jenayah boleh berlaku, kadang-kadang depa (pencuri) dah dok aim kita lama sebab biasa dok nampak asyik sorang diri. Malam ka siang ka mak cik memang takut sebab tak ada orang muda dalam rumah”

Oleh itu, faktor tinggal berseorangan memang boleh dikaitkan dengan ketakutan terhadap jenayah. Hal ini kerana mereka tiada orang yang lebih muda untuk dijadikan tempat bergantung dan membantu sekiranya memerlukan. Peluang pekerjaan di bandar telah menyebabkan berlakunya migrasi desa-bandar (Mohd Fadzil Abdul Rashid, Suharto Teriman, Wan Rabiah Wan Omar & Mohd Roswadi Mat Zin, 2016). Golongan muda khususnya lebih tertarik dengan peluang pekerjaan dan pulangan pendapatan yang boleh didapati di kawasan bandar besar berbanding terlibat dengan kerja-kerja kampung. Selain itu, anak-anak yang telah dewasa dan memulakan kehidupan berkeluarga sendiri (berkahwin) juga menjadi penyebab kepada mereka tidak tinggal bersama dengan ibu bapa di kampung.

Jantina

Penekanan stereotaip utama seringkali mengaitkan wanita mempunyai perasaan yang lebih takut terhadap jenayah. Wanita merupakan golongan yang lebih rentan terhadap serangan jenayah berbanding lelaki kerana wanita kurang mampu mempertahankan diri dan kurang mampu menghadapi penjenayah. Para penyelidik bercakap mengenai 'paradoks ketakutan' bagi wanita. Sebilangan besar penyelidikan melaporkan bahawa wanita lebih cenderung takut kepada jenayah daripada lelaki. (Gibson et al, 2002; Lane & Meeker, 2003; Wilcox et al, 2007; Dull & Wint, 1997) Menurut Kober et al (2020) perbezaan antara jantina dapat dijelaskan oleh tahap ketakutan peribadi yang lebih tinggi. Barton et al (2017) berpendapat bahawa wanita empat kali lebih mungkin merasa tidak selamat berjalan sendiri selepas gelap berbanding lelaki; lima kali lebih bimbang tentang jenayah rogol daripada lelaki dan tiga kali lebih bimbang akan serangan fizikal.

Pengkaji telah menemui seramai 13 orang warga emas yang tinggal di Daerah Yan dan sembilan (9) daripadanya ialah wanita. Hampir kesemua warga emas wanita yang telah ditemui mengatakan diri mereka takut terhadap jenayah dan merasa diri tidak selamat dan bila-bila masa boleh menjadi mangsa jenayah. Banyak kajian mendapati wanita lebih cenderung melaporkan ketakutan terhadap jenayah yang tinggi dan tahap keselamatan yang rendah berbanding lelaki terutamanya terhadap jenayah kekerasan walaupun kurang kemungkinan menjadi mangsa dalam kebanyakan jenayah serius (Farahah Rosni, Wan Sharazad Wan

Sulaiman & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2019). Cops, Pleysier & Put (2012) mendapati bahawa serangan seksual menyebabkan wanita lebih takut kerana mereka mempersepsikan risiko menjadi mangsa untuk jenayah jenis ini adalah lebih tinggi daripada lelaki. Oleh itu, ancaman kemungkinan berlaku serangan seksual telah meningkatkan tahap ketakutan golongan wanita terhadap semua jenis jenayah. Hal ini dapat dibuktikan dengan temu bual bersama informan 10:

“Mak cik rasa sebab kita ni perempuan jadi takut lebih sikit. Mak cik rasa macam ‘no point’ lah kalau pakai barang (emas) sekarang ni sebab bila keluaq dok berasa diri ni boleh kena ragut. Walaupun ada barang banyak-banyak pun takut nak pakai. Biar tak ada pun tak apa. Kadang alau ada yang mai (datang) rumah minta sedekah memang mak cik tak layan, habaq sungguh-sungguh tak layan. Walaupun tengok orang perempuan datang minta derma pun takut sebab tak kenal.”

Walaupun begitu tidak semua berperasaan sedemikian tetapi majoriti mereka mempunyai tahap ketakutan terhadap jenayah yang lebih tinggi daripada lelaki. Dammert dan Malone (2003) tidak menemukan perbezaan antara lelaki dan wanita. Hal ini dapat dikaitkan dengan kajian ini apabila informan 13 mengatakan perasaan tidak takut terhadap jenayah.

“Mak cik tak berapa takut sangat dengan jenayah ni, kita tawakkal saja. Mak cik dah terbiasa keluar rumah dan uruskan segala urusan sebab suami mak cik tak berapa sihat jadi mak cik terpaksa mengambil alih tugas dia”

Hal ini dapat menjelaskan bahawa wanita dalam kategori usia tua adalah antara yang berkemungkinan mengalami serangan dan menyebabkan perasaan takut terhadap jenayah namun masih ada wanita yang berani untuk meneruskan kehidupan tanpa membiarkan perasaan takut terhadap jenayah mengganggu mereka.

Usia dan fizikal

Ketakutan terhadap jenayah dan perasaan tidak selamat meningkat seiring pertambahan usia. Seiring bertambahnya usia kesihatan juga semakin merosot. Peningkatan usia berkaitan dengan peningkatan peluang untuk takut terhadap jenayah (Brunton-Smith & Sturgis, 2011). Killias dan Clerici (2000) dan McCoy et al. (1996) mendapati bahawa orang yang menganggap diri mereka rentan mempunyai tahap ketakutan terhadap jenayah yang lebih tinggi. Pantazis (2000) mendapati bahawa beberapa kumpulan populasi mungkin merasa kurang selamat daripada yang lain kerana ketidakupayaan fizikal mereka untuk mempertahankan diri atau kedudukan sosial dan ekonomi mereka. Pemboleh ubah demografi lain yang didapati penting dalam analisis diskriminan termasuk umur, kesihatan, status perkahwinan, jumlah orang yang tinggal bersama responden, dan bangsa. Ronald W. Toseland (1982) menunjukkan terdapat hubungan antara usia dan ketakutan terhadap jenayah. Lebih daripada 57 peratus responden yang berumur 75 tahun ke atas takut terhadap jenayah berbanding hanya 39 peratus responden yang berumur antara 25 hingga 44 tahun.

Justeru itu, faktor usia dan faktor fizikal juga boleh menjadi faktor ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan warga emas. Baik lelaki mahupun wanita yang sudah berusia perasaan ketakutan terhadap jenayah tetap dirasai. Berdasarkan informan yang telah ditemu bual, beliau mengatakan:

“Pak cik ada juga risau dengan umuq yang dah tua ni lepas tu pak cik pun ada penyakit sama, pak cik sakit saraf tangan jadi rasa dah tak mampu kalau nak melawan depa kalau depa masuk rumah ni. Ada sedikit kerisauan di dalam hati ni. Pak cik ada penyakit saraf tangan jadi memang tak boleh kalau lasak-lasak”

Informan 12 merupakan seorang pesara menyatakan dengan keadaan usianya dan fizikalnya yang mempunyai penyakit saraf tangan membuatkan dirinya berasa tidak selamat dan boleh berada dalam keadaan berisiko untuk menjadi mangsa jenayah. Semakin meningkat umur seseorang semakin tinggi perasaan takut mereka terhadap jenayah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Donder, Verte & Messelis (2005) mendapati bahawa rasa takut dan bimbang di kalangan warga tua berbanding golongan muda.

Namun berbeza dengan Informan Noor Rida apabila beliau menyatakan perasaannya yang tidak takut terhadap jenayah:

“Mak cik Alhamdulillah tak ada penyakit, mungkin sebab mak cik aktif juga join apa apa macam sukarelawan dekat kawasan rumah ni. Jadi perasaan takut terhadap jenayah ni tak ada sangat”.

Ini bermakna terdapat juga segelintir warga emas wanita yang tidak takut terhadap jenayah disebabkan fizikalnya yang sihat berbanding warga emas lelaki yang mempunyai penyakit serius. Tambahan pula, jika warga emas tersebut tidak tinggal bersendirian, maka mereka akan lebih positif dan tidak mudah merasa bimbang akan ancaman jenayah.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, melalui dapatan kajian yang dibentangkan maka dapatlah dirumuskan bahawa warga emas di Daerah Yan, Kedah mempunyai rasa bimbang dan takut terhadap jenayah disebabkan oleh faktor usia, jantina dan juga keadaan fizikal yang tidak sihat. Mengurangkan rasa kebimbangan terhadap jenayah dan jenayah itu sendiri merupakan satu cabaran yang dialami oleh semua rakyat Malaysia. Secara semula jadinya, jenayah merupakan satu fenomena yang kompleks dan tidak boleh diatasi tanpa kerjasama semua pihak. Kewujudan faktor-faktor perlakuan jenayah menjadikan kebimbangan masyarakat terhadap kawasan persekitaran mereka menjadi semakin meruncing. Ini mengakibatkan persepsi keselamatan mereka dirasakan terancam ketika melakukan aktiviti sosial. Keadaan yang berlarutan ini mengakibatkan kehidupan yang tidak normal dan merosotkan lagi kualiti kehidupan mereka. Oleh yang demikian, penekanan terhadap keselamatan dan rasa selamat dalam kalangan warga tua di luar bandar perlu diberikan lebih perhatian oleh pihak bertanggungjawab. Kepekaan bahawa semua kawasan kini berpotensi untuk menjadi sasaran penjenayah perlu ditingkatkan agar lebih banyak aspek kawalan sosial dan pencegahan dapat dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan hidup warga emas di negara ini.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua informan kajian yang terlibat di dalam kajian ini dan juga kepada dana TAP-K019109 atas bantuan pembayaran penerbitan makalah ini.

Rujukan

Barton, M., S., Weil, F., Jackson, M., & Hickey, D., A. (2017). An investigation of the influence of the spatial distribution of neighborhood violent crime on fear of crime. *Crime & Delinquency*, 63, 1757–1776.

- Brunton-Smith, I., & Sturgis, P. (2011.) Do neighborhoods generate fear of crime? An empirical test using the British Crime Survey. *Criminology*, 49, 331–369.
- Cops, D., S. Pleysier., & J. Put. (2012). Worrying about the future and fear of crime among young adults: A social psychological approach. *Journal of Youth Studies*, 15(2), 191–205. <https://doi.org/10.1080/13676261.2011.635193>.
- Derek Chadee dan Jason Ditton, 2003, Are Older People Most Afraid of Crime?. Retrieved from <https://sci-hub.mkksa.top/10.1093/bjc/43.2.417>.
- Donder, L. D., Verte, D. & Messelis, E. (2005). Fear of Crime and Elderly people: Key Factors That Determine Fear of Crime Among Elderly People in West Flanders. *Ageing International*, 30, 363-376.
- Dull, R., T. & Wint, A., V., N. (1997). Criminal victimization and its effect on fear of crime and justice attitudes. *Journal of Interpersonal Violence*, 12(5), 749 – 758.
- Farahah Rosni, Wan Sharazad Wan Sulaiman & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia: analisis terhadap factor penyumbang. *Kajian Malaysia*, 37(2), 147–171.
- Frank Clememte dan Michael B. Kleiman. (1976). *Fear of Crime Among the Aged*. Oxford Academic. Retrieved from <https://academic.oup.com/gerontologist/article-abstract/16/3/207/544153>.
- Gibson, C., L., Zhao, J., Lovrich, N., P., & Gaffney, M., J. (2002). Social integration, individual perceptions of collective efficacy, and fear of crime in three cities. *Justice Quarterly*, 19(3), 537 – 564.
- Jackson, Jonathan, 2009, A psychological perspective on vulnerability in the fear of crime. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/30522633_A_Psychological_Perspective_on_Vulnerability_in_the_Fear_of_Crime#fullTextFileContent.
- John Adamson (2006), The Semi-Structured Interview. Retrieved from https://www.academia.edu/3336155/The_semi_structured_interview.
- John P. Cranka, Andrew Giacomazzi dan Cary Heck, 2003, Fear of Crime in a Nonurban Setting. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/222368721_Fear_of_crime_in_a_nonurban_setting
- Kober, G., Oberwittler, D., & Wickes, R. (2020). Old age and fear of crime: cross national evidence for a decreased impact of neighbourhood disadvantage in older age. *Ageing and Society*, 1-30.
- Lane, J., & Meeker, J., W. (2003). Women's and men's fear of gang crimes: Sexual and nonsexual assault as perceptually contemporaneous offenses. *Justice Quarterly*, 20, 337 – 371.
- Liesbeth De Donder, Dominique Verte dan Els Messelis, 2005, Fear of Crime and Elderly People: Key Factors That Determine Fear of Crime Among Elderly People in West Flanders. Retrieved from <https://sci-hub.st/https://doi.org/10.1007/s12126-005-1021-z>.
- Marshal, B., & Johnson, S. (2005). *Crime in rural areas: A review of the literature for the rural evidence research centre*. London: University College London.
- Mohd Fadzil Abdul Rashid, Suharto Teriman, Wan Rabiah Wan Omar & Mohd Roswadi Mat Zin. (2016). Migrasi bandar-bandar di Malaysia: Kajian kes Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 131 – 146.
- Nicole. R. (2017). Fear of Crime. Retrieved from <https://oxfordre.com/criminology/view/10.1093/acrefore/9780190264079.001.0001/acrefore-9780190264079-e-10>.
- Patsy, A. K. (2000), Crimes against Persons Age 65 or Older. Retrieved from <https://bjs.ojp.gov/content/pub/pdf/cpa6597.pdf>.

- Peter, Yin. (1982), Fear of Crime as a Problem for The Elderly. Retrieved from <https://academic.oup.com/socpro/article-abstract/30/2/240/1658694>.
- Randy L. L., & Kenneth F. F. (1989). Assessing age and gender differences in perceived risk and fear of crime. Retrieved from <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/j.1745-9125.1989.tb01051.x>.
- Ronald W. Toseland. (1982). Toseland Fear of Crime: Who is Most Vulnerable?. Retrieved from [https://sci-hub.mkxa.top/10.1016/0047-2352\(82\)90040-x](https://sci-hub.mkxa.top/10.1016/0047-2352(82)90040-x).
- Wesley, G. S. (1978). Fear of crime among the elderly. Retrieved from <https://www.ojp.gov/pdffiles1/nij/82425.pdf>.
- Wilcox, P., Jordan, C., E., & Pritchard, A., J. (2007). A multidimensional examination of campus safety: Victimization, perceptions of danger, worry about crime, and precautionary behavior among college women in the postClery era. *Crime and Delinquency*, 53(2), 219 – 254.
- Wuff, A. V. D., & Stringer, P. (1989). Postvictimization fear of crime: differences in the perceptions of people and places. *Journal of Intepersonal Violence*, 1, 132-147.